

Peringkat Perkembangan Konsep Kendiri Mengikut Pandangan Erikson Dan Peranan Perkembangan Kognitif Dalam Pembentukan Konsep Kendiri

(Part 6)

Hasmadi Bin Hassan

2.2.5 Peringkat Remaja / Identiti lawan kekeliruan identity (12 – 18 tahun)

Peringkat remaja amat penting dalam menentukan nilai-nilai dan penjelasan-penjelasan yang akan membentuk identiti seseorang. Remaja agak keliru tentang tujuan dan aspirasi serta harapan orang lain. Individu remaja akan bertanya-tanya siapakah diri mereka sebenar, apakah yang diinginkan, apa yang boleh dilakukan, apakah perhubungan dengan orang lain, apakah pandangan orang lain terhadap dirinya, dan pelbagai lagi pertanyaan demi pertanyaan yang bermain dibenak seseorang remaja itu. Akibat keraguan ini, remaja akan mudah meniru pelbagai tingkah laku orang lain seperti guru, artis dan sesiapa sahaja.

Pelbagai amalan dan sikap serta nilai yang ditunjukkan oleh seseorang remaja biasanya menimbulkan konflik dengan orang dewasa terutamanya ibu bapa. Ibu bapa hendaklah memahami keperluan-keperluan remaja agar sesuatu identiti diri serta konsep kendiri yang sihat akan terbentuk. Remaja yang sentiasa dihalang dalam setiap tindakannya akan membesar sebagai orang dewasa yang kurang keyakinan dan mempunyai konsep kendiri yang rendah serta cenderung akan bergantung kepada orang lain dalam apa jua tingkahlaku dan matlamat.

Remaja merupakan satu peringkat di mana berlakunya krisis identiti. Ia merupakan satu moratorium antara zaman kanak-kanak dan dewasa yang memerlukan setiap individu cuba mengatasi sesuatu masalah. Erikson percaya krisis identiti yang timbul daripada kekeliruan peranan mengenai siapa diri mereka sebenar dan bagaimanakah hidup mereka pada masa akan datang. Menurut Erikson lagi, saat yang paling terganggu pada tahap ini adalah apabila remaja tidak dapat membuat keputusan mengenai identiti pekerjaan.

Tingkahlaku bagi kebanyakan remaja dikategorikan sebagai totalisma, iaitu komitmen yang tidak matang kepada sesuatu ideologi yang mudah dan mengikutinya tanpa banyak soal untuk mengurangkan perasaan kekeliruan.

Erikson mempunyai pandangan positif terhadap golongan remaja. Menurutnya, kebanyakan kegagalan dan keraguan remaja bukanlah salah mereka tetapi faktor politik, budaya dan teknologi yang membuatkan mereka keliru.

CONTINUE...